

TELUS & TULUS

# Sinar

harian



Selasa 13 Mei 2014 • Sinar Harian 17

HUBUNGI SKUAD SENTRAL:  
ASWANY OMAR - 019-9882695

SENTRAL

## Bahan kitar semula bantu kejayaan

KUANTAN – Walaupun berdepan cabaran dalam menghasilkan produk berkualiti dalam setiap kajiannya terutama penggunaan bahan terbuang atau kitar semula tetapi ia tidak mematahkan semangat Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abdul Syukor Abd Razak untuk mencapai matlamat.

Oleh kerana semangatnya itu, usaha gigihnya diiktiraf apabila menerima anugerah kategori tokoh dan paten sempena Malam Anugerah Cendekia Bitara 2013 yang disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, di sini, baru-baru ini.

Abdul Syukor berkata, ramai yang memandang serong usahanya sebelum ia berhasil tetapi itu dijadikan pembakar semangat.

Menurutnya, kejayaan datang dengan satu tanggungjawab besar dalam menggalas usaha bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat dikomersialkan dan bermanfaat untuk masyarakat sejagat.



Adnan (dua dari kanan) menyampaikan anugerah kepada Abdul Syukor.

“Cabaran besar bagi saya untuk meraih kepercayaan orang lain bagi membuktikan bahan kitar semula sangat berguna.

“Tiga produk yang boleh dibanggakan sekarang iaitu di bawah pejabat pemindahan teknologi (TTO) di Jabatan penyelidikan dan inovasi ialah pisoptera, phytogreen dan wasra.

“Saya berterima kasih di atas kepercayaan UMP de-

ngan memberikan banyak peluang terutama sokongan dalam menghasilkan produk penyelidikan dan pengkomersialan,” katanya kepada media.

Beliau berkata, dia akan terus berusaha dan anugerah diterima memberi suntikan semangat dalam kalangan penyelidik untuk menghasilkan kajian serta penyelidikan yang memberimpak berkualiti

tinggi diiktiraf dunia.

“Hasil daya usaha dalam memartabatkan produk penyelidikan berdaya saing, saya juga dinobatkan sebagai World Inventor Order Award 2013 oleh Korean Invention News (kinews).

“Usaha tidak terhenti di sini sahaja dan saya akan terus berusaha lebih maju ke hadapan dengan kualiti yang berguna kepada masyarakat,” katanya.